

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Welcome Centre
Sent: 03 Mei 2016 14:31
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: PSU HATYAI THAILAND MEMBERI DAN MENCARI ILHAM ANTARABANGSA



03 MEI 2016 / 25 REJAB 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi
Gambar oleh: Anjung Tamu

PSU HATYAI THAILAND MEMBERI DAN MENCARI ILHAM ANTARABANGSA



ANJUNG TAMU ONLINE: Ketika menjejakkan kaki ke UUM yang terletak bersebelahan dengan sempadan Malaysia-Thailand, ternyata UUM Sintok memberikan rasa teruja kepada 35 delegasi yang datang dari Prince of Songkhla Universiti (PSU), Hatyai Thailand.

Pada masa yang sama, delegasi PSU merakamkan rasa bertuah berpeluang melawat sambil berkongsi idea sempena Discover UUM. Masakan tidak, *tagline* UUM di rimba hijau serta rona hijau di sekeliling yang dikenali sebagai rona bumi berfungsi menenangkan fikiran mereka ketika berada di Welcome Centre.

Selain itu, Welcome Centre juga sebagai zon interaksi bagi mempromosikan UUM mampu menarik perhatian mereka dengan hiasan dalaman yang bermotifkan alam dapat mewujudkan kesinambungan yang harmoni.

Bahkan, mereka berkumpul bagi mendapatkan taklimat di mana galeri telah dimanfaatkan sebagai ruang maklumat yang boleh berinteraksi secara formal dan santai.

Menurut ketua delegasi, Assistant President for ASEAN Studies, Center for Learning Promotion and Development PSU, Assoc. Prof. Dr. Supatra Davidson,

“Very professional and friendly staff”,

“We wish our University has such a centre”.

Seterusnya delegasi diiringi oleh Penolong Pendaftar, Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni, UUM COLGIS, Roshadah Yaacob bagi mengikuti itinerari yang diatur bagi memantapkan kerjasama antarabangsa yang sedia terjalin antara UUM-PSU.

=====

DARIPADA:
ANJUNG TAMU
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
CANSELORI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)
TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098
FAKS: 04-928 3095
E-MEL: welcome_centre@uum.edu.my

